

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 6 MAC 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1541-L13650
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah penyertaan Malaysia dalam perjanjian perdagangan pelbagai hala seperti CPTPP dan RCEP telah atau akan berubah akibat ketidakpastian yang timbul daripada dasar tarif Presiden Trump.
2. PN-1541-L13301
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mengambil peluang untuk memperkukuhkan saluran hubungan melalui platform Commonwealth Parliamentary Association (CPA) Parlimen Malaysia yang sudah ada organisasi dan struktur dengan memberi geran atau dana bagi tujuan tersebut memandangkan Malaysia adalah Pengerusi ASEAN bagi tahun 2025.
3. PN-1541-L13825
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan peratusan tenaga elektrik yang dijana daripada arang batu setakat ini dan adakah Kerajaan mempunyai perancangan menggantikan teknologi ini dengan teknologi karbon sifar bersih.
4. PN-1541-L13273
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah Kerajaan menggiatkan penggunaan teknologi pertanian moden (seperti pertanian tepat, internet kebendaan (IoT) dan dron) untuk meningkatkan produktiviti terutamanya di kawasan luar bandar dan adakah terdapat kerjasama dengan institusi pendidikan atau syarikat swasta untuk melatih petani dalam amalan pertanian mampan dan digital.

5. PN-1541-L13435
Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah inisiatif yang telah dan akan diambil bagi memastikan guru-guru serta ibu bapa tidak terbeban dari segi kewangan berikutan pelbagai aktiviti atau program yang melibatkan murid di sekolah terutamanya bagi keluarga B40 dan mempunyai ramai tanggungan.
6. PN-1541-L13793
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah pengguna Skim Jaminan Kredit Perumahan MADANI serta inisiatif terkini dalam memperkenalkan model perumahan lestari yang mesra alam dan berdaya saing.
7. PN-1541-L13341
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini kajian Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi DUN untuk Menggubal Undang-undang Islam.
8. PN-1541-L13612
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana rancangan latihan dan pendedahan fokus Kerangka Kurikulum Baru 2024 kepada Guru prasekolah di KPM, KEMAS, JAKOA serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) agar impian penerapan capaian kompetensi pelajar benar-benar sempurna.
9. PN-1541-L13833
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah wujud sebarang perundingan untuk Malaysia Rail Link (MRL) membenarkan Terminal Bas Kota Bharu disambungkan dengan Stesen ECRL Kota Bharu.
10. PN-1541-L13306
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam menerapkan nilai-nilai MADANI dalam kalangan belia.
11. PN-1541-L13875
Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah konkrit untuk meningkatkan pembentukan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa untuk mengatasi isu kebolehpasaran lepasan universiti akibat kekurangan peluang pekerjaan dalam pasaran.

12. PN-1541-L13409
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan status terkini pelaksanaan perkhidmatan Servis Ihsan MADANI@PETRONAS AutoExpert (SIM@PAX) yang menawarkan khidmat servis kenderaan kepada golongan berpendapatan rendah dan apakah strategi Kerajaan bagi memastikan hanya golongan yang layak sahaja mendapat perkhidmatan tersebut.
13. PN-1541-L13405
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah terkini yang diambil oleh Kementerian untuk mengintegrasikan pelajar tahfiz ke dalam sistem Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).
14. PN-1541-L13219
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian akan mempertimbangkan untuk menjadikan subjek "*fundamental AI*" sebagai subjek elektif di Universiti Awam bagi mengintegrasikan AI dan literasi digital dalam semua disiplin akademik dan bukan hanya dalam sains komputer atau kejuruteraan sahaja bagi memastikan setiap graduan mempunyai pemahaman asas mengenai teknologi tersebut.
15. PN-1541-L13750
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sebab pelaburan hijau dan pembaharuan teknologi masih bergerak perlahan walaupun Kerajaan berulang kali menegaskan komitmen terhadap ekonomi mampan dan apakah halangan utama dalam pelaksanaan dasar sifar karbon 2050 dan bagaimanakah Kerajaan menangani tekanan dari industri tradisional yang sering menjadi penghalang utama inovasi teknologi hijau.
16. PN-1541-L13725
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah-langkah persiapan yang diambil bagi kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026) bagi menarik lebih banyak pelancong ke Malaysia.
17. PN-1541-L13393
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perincian mekanisme pelaksanaan inisiatif bantuan yuran pembelajaran untuk anak autisme dan apakah garis panduan yang ditetapkan Kementerian bagi permohonan kepada inisiatif ini.

18. PN-1541-L13234

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah bantuan kewangan yang diberikan oleh pihak Kementerian kepada sekolah-sekolah persendirian seperti sekolah agama persendirian, sekolah cina persendirian dan sekolah tamil persendirian.

19. PN-1541-L13583

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fokus penguatkuasaan bagi membanteras salah guna logo dan cap halal JAKIM yang menjadi trend pengilang bukan Islam.

20. PN-1541-L13723

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) pihak berkepentingan yang berkaitan yang terlibat dalam penyediaan rang undang-undang pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS); dan
- (b) garis masa baharu untuk membentangkan rang undang-undang CCUS yang sepatutnya dibentangkan pada Disember 2024.

21. PN-1541-L13666

Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP) untuk Pegawai Perubatan dan adakah ETAP akan dinaikkan seperti yang dijanjikan pada Sidang Dewan tahun 2024; dan
- (b) jika ya, apakah status terkini dan bilakah kenaikan ini akan berkuat kuasa memandangkan tahun 2025 sudah masuk bulan ketiga.

22. PN-1541-L13283

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa industri perikanan Malaysia terus berkembang dengan mampan tanpa mengancam sumber laut dan ekosistem marin serta usaha-usaha untuk menarik lebih ramai golongan muda untuk menceburi bidang ini .

23. PN-1541-L13632

Senator Dato' Sri Vell Paari a/ Tun Samy Vellu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menurunkan cukai korporat bagi menarik lebih banyak pelaburan asing ke Malaysia dan meningkatkan daya saing ekonomi negara.

24. PN-1541-L13475

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan dan strategi Kerajaan untuk menarik minat pelajar di negara ini dalam bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) bagi melestarikan aspek modal insan dalam bidang tersebut bagi guna tenaga negara pada masa hadapan.

25. PN-1541-L13844

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah terdapat mana-mana bahan mentah yang terjejas ekoran banjir yang memberi impak kepada penternak dan petani.

26. PN-1541-L13141

Senator Tuan Isaiah a/ D Jacob minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah Kementerian akan mengatasi masalah bagi membantu golongan OKU dalam pendidikan profesional di mana Pendidikan Vokasional telah mengatasi subjek-subjek sektor profesional sehingga golongan sasaran Orang Kurang Upaya (OKU) mempunyai peratusan terendah dalam sektor korporat.

27. PN-1541-L13703

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah pembaharuan yang dirancang oleh Kerajaan untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan sistem tebatan serta amaran banjir, dan bagaimana pengurusan bencana negara diperkukuh berikutan peningkatan banjir di kawasan seperti Bintulu, Sarawak dan Keningau, Sabah baru-baru ini.

28. PN-1541-L13485

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan Kementerian mengenai peningkatan peratusan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak melanjutkan pelajaran ke pengajian tinggi memandangkan data Kementerian pada tahun 2021 menunjukkan angka seramai 180,680 orang meningkat daripada angka tahun sebelumnya iaitu 115,939 orang dan data ini agak membimbangkan dan pasti akan merencatkan agenda pembangunan ke arah negara maju.

29. PN-1541-L13443
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam mendepani masalah kekurangan doktor dan petugas kesihatan di sektor kesihatan awam.
30. PN-1541-L13802
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan polisi Kerajaan dalam pendaftaran hak cipta bagi kandungan kreatif yang dihasilkan dengan menggunakan kecerdasan buatan (AI).
31. PN-1541-L13426
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sejauh mana justifikasi Dasar Mineral Negara yang dirangka akan bergerak selari dengan Dasar Perhutanan Negara dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan bagi mempertahankan nasib Orang Asli serta memelihara alam sekitar dan hidupan liar.
32. PN-1541-L13660
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perancangan dan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang berkenaan masalah bekalan air bersih yang berlarutan lebih 15 tahun di Kampung Pos Iskandar, Bera, Pahang.
33. PN-1541-L13361
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan setakat mana keberkesanan usaha Kerajaan Malaysia dalam menangani kekejaman Rejim Zionis Israel ke atas rakyat Palestin.
34. PN-1541-L13373
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) data terkini jumlah pencarum dan nilai caruman KWSP yang mencarum secara sukarela; dan
 - (b) apakah inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk menggalakkan rakyat mencarum secara sukarela.

35. PN-1541-L13179

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah wujud cadangan bagi pembinaan Lebuhraya Pan Borneo bagi jajaran Keningau, Sepulot, Kalabakan dan Tawau memandangkan wujud keperluan laluan ini dibangunkan ke tahap nasional bagi mengimbangi pembangunan Ibu Kota Nusantara di wilayah Kalimantan Indonesia.

36. PN-1541-L13563

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan graduan-graduan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) menceburi sektor penanaman padi berikutan isu keterbatasan sosioekonomi para pesawah akibat faktor usia yang memberi kesan terhadap Kadar Sara Diri (SSR) negara.

37. PN-1541-L13680

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapa banyak subsidi yang terpaksa dibayar oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar tol sebanyak 50% semasa musim perayaan Tahun Baru Cina ini; dan
- (b) adakah subsidi tol memberikan impak pulangan ekonomi kepada negara khususnya dari segi pelancongan dan pemerikasaan ekonomi komuniti.

38. PN-1541-L13759

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah Kerajaan dalam menangani persaingan sengit dalam kalangan negara ASEAN untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan bagaimanakah Kerajaan memastikan bahawa Malaysia tidak hanya menarik pelaburan kos rendah tetapi pelaburan berkualiti tinggi yang memberi manfaat jangka panjang kepada rakyat bukan sekadar keuntungan kepada syarikat asing.

39. PN-1541-L13385

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan pelan mitigasi jangka panjang bagi menangani isu hakisan pantai yang semakin serius di negeri Kelantan, khususnya di kawasan seperti Pantai Senok, Pantai Cahaya Bulan (PCB), Pantai Irama, Pantai Melawi, dan Pantai Tok Bali.

40. PN-1541-L13520
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah intipati inisiatif yang bakal dinikmati Malaysia dan negeri Johor hasil daripada perjanjian Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).
41. PN-1541-L13741
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan keberkesanan insentif hijau sedia ada yang diberikan kepada PKS dalam merangkul rangkaian bekalan yang lebih hijau yang mengakibatkan peningkatan kos perniagaan.
42. PN-1541-L13589
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil Kerajaan dalam skandal melibatkan kes rasuah di Sabah.
43. PN-1541-L13553
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan pandangan Kerajaan berhubung sekatan akses penuh cip pusat kecerdasan buatan (AI) yang dikenakan oleh Amerika Syarikat terhadap Malaysia dan sejauh manakah sekatan ini memberi implikasi terhadap sektor semikonduktor dan pusat data yang sedang giat dibangunkan di Malaysia .
44. PN-1541-L13112
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan telah mencapai objektif pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) setakat tahun 2024 memandangkan rasuah masih menjadi musuh utama negara dan rakyat masih ragu-ragu dengan komitmen Kerajaan.
45. PN-1541-L13353
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian untuk menilai kembali Dasar Generational End Game demi mengurangkan risiko penyakit akibat daripada kemudaratan tabiat merokok.

46. PN-1541-L13687

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah prospek masa depan industri lada di Malaysia dengan mengambil kira saingan hebat daripada negara-negara pengeluar yang lain seperti Vietnam dan apakah strategi yang dilaksanakan untuk memastikan pertumbuhan dan kemampanan industri tersebut.

47. PN-1541-L13189

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan penjelasan bagaimanakah Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) dapat mengelakkan pertindihan kuasa dengan Sarawak Multimedia Authority (SMA) agar tidak ada pembaziran dari segi tenaga dan sumber negara dan negeri sedangkan SKMM dapat menangani semua bentuk perkhidmatan telefon dan internet negara.

48. PN-1541-L13149

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pegawai Kerajaan dari kaum India yang bekerja ketika ini.

49. PN-1541-L13209

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan pelaksanaan program penerangan dasar Kerajaan pada peringkat akar umbi serta memastikan pemantauan berkesan terhadap ucapan kebencian dan permusuhan yang mengeksploitasi sentimen 3R, sehingga berpotensi menggugat perpaduan antara agama dan kaum dalam negara.

50. PN-1541-L13316

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuat penambahan terhadap peruntukan kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di setiap kawasan yang dikira agak sedikit bagi perbelanjaan operasi tahunan.

51. PN-1541-L13199

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah permohonan Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) di seluruh negara dan berapakah jumlah projek mengikut kategori yang telah diluluskan; dan
- (b) bagaimanakah kita dapat mengetahui bidang-bidang manakah yang tidak diluluskan supaya rakyat tidak perlu memohon.

52. PN-1541-L13169
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan usaha Kementerian untuk menangani isu penyelarasan projek RM50 juta ke bawah dan ke atas bagi mengelakkan limitasi pelaksanaan projek pembangunan.
53. PN-1541-L13455
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina infrastruktur sabo di kawasan pesisir Sarawak bagi menangani masalah banjir dan mengurangkan risiko aliran air berlebihan selepas hujan lebat.
54. PN-1541-L13855
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menarik taraf atau membina Jeti Kuala Perlis yang baharu kerana sering menghadapi masalah untuk feri penumpang berlabuh ketika air surut.
55. PN-1541-L13779
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah caruman KWSP untuk warga asing memberi manfaat kepada ekonomi negara dalam jangka masa panjang dan adakah caruman KWSP untuk warga asing boleh menyebabkan tekanan terhadap sistem KWSP yang sedia ada.
56. PN-1541-L13463
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan kadar peratusan penyertaan dan pemilikan usahawan Bumiputera dalam sektor tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) yang telah berdaftar dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Suruhanjaya Tenaga (ST).
57. PN-1541-L13886
Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah Pesuruhjaya Warisan untuk memastikan bangunan institusi bersejarah terpelihara seperti dalam kes perobohan Kilang Lee Pineapple Skudai yang bermula sejarahnya pada tahun 1931 dan ubah suai bangunan asal Sekolah Anderson yang bersejarah.

58. PN-1541-L13539

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam mengurangkan beban buku yang perlu dipikul oleh murid dari peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah.

59. PN-1541-L13573

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah Kerajaan untuk membanteras kegiatan kartel pemindahan milik tanah pada peringkat negeri-negeri serta penambahbaikan sistem pentadbiran tanah bagi memastikan kejadian seperti itu tidak berulang pada masa hadapan.

60. PN-1541-L13500

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini projek menaik taraf Jalan Persekutuan FT004, Gerik/Kupang/Lunas dari seksyen 23.10 hingga seksyen 35.70 di Kulim, Kedah dan berapa peratus kemajuan kerja yang telah dicapai dan jangkaan tarikh siap.

61. PN-1541-L13326

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kawalan kemasukan import ayam dari luar negara yang berada di dalam pasaran di negeri tetapi dijual tanpa mempunyai label maklumat pada kotak.

62. PN-1541-L13129

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah program dan inisiatif yang telah disediakan untuk membantu usahawan-usahawan OKU dan berapakah jumlah dana yang telah disediakan untuk program tersebut.

63. PN-1541-L13263

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas seperti pendidikan, kesihatan dan pengangkutan dan adakah Kementerian bercadang untuk membina lebih banyak jambatan, jalan raya atau laluan air untuk menghubungkan kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak.

64. PN-1541-L13794

Senator Dato' Sri Vell Paari a/ Tun Samy Vellu minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah strategi Kerajaan dalam mempercepat pembangunan rangkaian 5G dan memastikan harga perkhidmatan internet yang lebih kompetitif kepada rakyat.

65. PN-1541-L13253

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan kuasa Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Sarawak untuk melantik Pesuruhjaya Kehakiman, seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan dimana Perkara 122AB diluluskan pada 1994 tanpa persetujuan Kerajaan Sabah dan Sarawak yang melanggar Perkara 161E(2)(b).

66. PN-1541-L13867

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap pengumuman TNB untuk menaikkan tarif elektrik asas di Semenanjung Malaysia bermula 1 Julai 2025 yang akan meningkat 14.2 peratus kepada 45.62 sen/kWj di bawah Tempoh Kawal Selia 4 (RP4).

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah**

(5 Mac 2025)

- | | | |
|----|--|-------------------------------|
| 2. | *(D.R.62/2024) Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Komunikasi] | |
| 3. | *(D.R.63/2024) Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Komunikasi] | |
| 4. | *(D.R.1/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Perpaduan Negara] | |

5. *(D.R.47/2024) Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Komunikasi]

6. *(D.R.3/2025) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

7. *(D.R.5/2025) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

8. *(D.R.4/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

9. *(D.R.2/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

10. *(D.R.19/2024) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

11. *(D.R.6/2025) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

12. *(D.R.7/2025) Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

13. *(D.R.8/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Kewangan]

14. *(D.R.9/2025) Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Perdana Menteri]

15. *(D.R.10/2025) Rang Undang-undang Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Ekonomi]

16. *(D.R.11/2025) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

17. *(D.R.12/2025) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

18. *(D.R.13/2025) Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

19. *(D.R.14/2025) Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025 **Bacaan Kali Pertama**

[Menteri Kewangan]

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat Oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.